

Kenapa Maggie telan kata2 sendiri

Dari WAN A. HULAIMI London:



□ DATUK SERI DR MAHATHIR

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad difisatkan sebagai seorang tokoh pemimpin yang memaksa Puan Margaret Thatcher "menelan kata-kata yang pernah diamburkannya sendiri."

Harian London *Asian Times* menyebutkan demikian menjelang kunjungan tidak rasmi Perdana Menteri ke London. Sesungguhnya, pandangan masyarakat anggapan masyarakat Dunia Ketiga di sini terhadap Datuk Seri Dr Mahathir.

Apa yang mengembaraikan lagi ialah menjelang lawatan tersebut, kerajaan British telah mengemukakan bantuan kepada penuntut-penuntut asing, dengan keutamaan diberikan kepada pelajar dari Malaysia, Cyprus dan Hong Kong.

Perwakilan Malaysia di sini bermula sekali untuk mengatakannya bahawa walaupun sewaktu di sini nanti Datuk Seri Dr Mahathir akan berunding dengan rakan sejawatnya, Puan Thatcher, tetapi rundingan tersebut bukanlah atas desakan Malaysia.

Pelawaan yang diberikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir tidak lebih daripada pernyataan rasa muhibah dan percubaan hendak mengahpuaskan salah faham yang timbul.

Tidak ada perkara lain lagi yang dapat ditawarkan oleh kerajaan British kepada penuntut-penuntut seberang laut. Sebenarnya apa yang ditawarkan kepada penuntut-pe-

nuntut Malaysia telah pun dibincangkan menerusi saluran diplomatik dengan Datuk Seri Dr Mahathir.

Kerajaan British bertegas bahawa sesungguhnya memang tidak ada pulangan yang dapat diperolehi daripada subsidi am yang dihulurkan kepada penuntut-penuntut asing pada tahap sebelum tahun 1979.

Sedikit perubahan telah dilakukan oleh kerajaan British terhadap dasar pengambilan penuntut-penuntut asing apabila permohonan memasuki universiti-universiti telah merosot dengan banyaknya kepada 6,763 tahun lalu kalau dibandingkan dengan kemuncakannya sebanyak 23,000 orang dalam tahun 1979.

Bilangan penuntut asing di politeknik dan maktab-maktab pengajian tinggi turut merosot dari 80,000 orang dalam tahun 1979 kepada kira-kira 55,000 orang tahun lalu.

Keliru

Bahawa dasar ini telah meretakkan hubungan Britain dengan sekutu-sekutu tradisinya bukanlah tidak disedari, terutama dasar yang diamalkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir yang tidak lagi memberi tumpuan kepada Britain.

Apa yang diadiri sekarang ialah kekeliruan seperti itu tidak akan timbul sekiranya Pejabat Luar dan Komanwel British (Kementerian Luar Negeri) diberitahu apabila nasib penuntut-penuntut asing dibincangkan.

Pembuat-pembuat dasar Margaret Thatcher di Downing Street sentiasa tidak

mempercayai Pejabat Luar dan Komanwel.

Akibatnya, hujah-hujah yang dibuat oleh pejabat itu selalunya tidak diendahkan dan dasar-dasar penuntut seberang laut diketepikan dalam usaha hendak menyelamatkan kira-kira £150 juta setiap tahun.

Jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh institusi-penuntut-penuntut asing di pengajian dan perdagangan adalah lebih tinggi lagi nilainya daripada itu.

Hal ini diakui sendiri oleh Sir Anthony Kerahaw, selaku pengerusi Jawatankuasa Khas bagi Hal-ehwal Asing, Parlimen British.

Baru-baru ini beliau berkata, "Memang benar, pentadbiran yang ada pada kita agak kucar-kacir."

"Kita tidak membenarkan Pejabat Luar menjalankan tugas yang sewajarnya dalam hal ini. Jika Pejabat Luar diberi tanggungjawab ini, saya yakin perkara seperti ini tidak akan berlaku."

Tindakbalas Malaysia terhadap dasar "tidak bermurah hati" Britain itu telah menyebabkan Britain sendiri menanggung kerugian tidak kurang daripada £29 juta dan mungkin juga sampai £50 juta.

Ini tidak termasuk kerugian yang ditanggung dalam bidang perdagangan dan kehilangan hasil yang diperolehi oleh institusi-institusi pengajian tinggi.

Kerajaan Thatcher menunjukkan bahawa apa yang be-

nar semasa zaman Napoleon masih lagi benar hari ini, iaitu Britain adalah sebuah negara "pekedai runci."

Akhirnya kehilangan perdagangan inilah yang menjadi pertimbangan penting yang memaksa Britain berlembut.

Subsidi pemilihan yang diluluskan oleh kerajaan bagi penuntut-penuntut seberang laut — iaitu kesemuanya berjumlah £46 juta, dicampur dengan £5 juta lagi untuk pelajar-pelajar Malaysia — adalah sambutan kepada laporan yang disediakan oleh Tabung Amanah Penuntut-Penuntut Seberang Laut (OST).

OST, yang disokong oleh pelbagai negara, mengesyorkan dalam laporannya bahawa "perubahan dalam pengurusan sebuah negara daripada £2,300 juta yang kerajaan tiap-tiap tahun hanya mencapai matlamat kita dalam bidang perdagangan, bantuan dan diplomasi."

Laporan OST itu bertajuk "Satu dasar bagi penuntut-penuntut seberang laut."

Syor-syor yang dikemukakan adalah sederhana, iaitu ia hanya mahu yang telah diperuntukkan bagi mencapai matlamat-matlamat itu diarahkan semula bagi menolong penuntut-penuntut seberang laut, dengan perbelanjaan dianggarkan sebanyak £36 juta tiap-tiap tahun.

Bagi maksud ini, £15 juta akan didapati daripada tabung yang dianggarkan sebanyak £150 juta, iaitu daripada pengalaman bayaran yuran

kos penuh bagi penuntut-penuntut seberang laut.

Kerajaan British mengkaji laporan OST itu selama lapan bulan sebelum akhirnya mengemukakan peruntukan berkumpulan sejumlah £46 juta bagi penuntut-penuntut seberang laut pada amnya (dengan pertimbangan latimewa kepada penuntut dari Malaysia, Hong Kong dan Cyprus).

Pelajar-pelajar Malaysia akan mendapat bonus tambahan sebanyak £5 juta lagi melebihi peruntukan am.

Satu lagi faktor penting yang mendesak kerajaan British melakukan beberapa perubahan dasar terhadap penuntut-penuntut seberang laut ialah hasil kajian yang dilakukan oleh 36 buah syarikat-syarikat terkemuka di Britain pada tahun 1981.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa langkah perubahan dengan ahli-ahli perniagaan seberang laut yang pernah menuntut di Britain telah memberi sumbangan yang mengutungkan kepada eksport British.

Lapan puluh peratus daripada firma yang disoalselidik, termasuk firma besar seperti Courtalds dan ICI, berpendapat sedemikian rupa.

Yang anehnya ialah apabila Setiausaha Luar Francis Pym mengemukakan bantuan berkumpulan bagi penuntut-penuntut seberang laut, beliau memertahankan pemotongan subsidi pada masa lampau dengan alasan ia dibuat demi kepentingan kemakmuran British.

Perubahan yang dilakukan kerajaan terhadap perka-

ra ini adalah dengan alasan yang sama.

Subsidi kumpulan itu adalah untuk jangka masa tiga tahun sahaja dan kerana itu ia sebenarnya jauh kurang daripada apa yang dicadangkan oleh OST.

Apa yang menjadi tandanya sekarang ialah adakah Pejabat Luar dan Komanwel, jabatan yang mengemukakan dasar baru itu, akan dibenarkan mengambil bahagian yang wajar bagi masa depan untuk menentukan tanggungjawabnya berhubung dengan hal-ehwal penuntut seberang laut.

Kurang

Pada minggu ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah tentu akan mendengar ketepatan mengenai hubungan tradisi yang wujud di antara Malaysia dengan Britain.

Pendapat beliau akan ditinjau tentang bagaimanakah sebaiknya wang itu dapat diperuntukkan, dengan harapan hubungan persefahaman yang lebih baik akan wujud pada masa depan.

Hakikat yang wujud sekarang ialah, kecuali bagi penuntut-penuntut dari Hong Kong, kerajaan Britain tidak akan memperkenankan semula dasar bantuan subsidi am bagi penuntut-penuntut seberang laut seperti yang diamalkan sebelum tahun 1979.

Tetapi yang sangat jela, apa juga hubungan antara Britain dengan rakan-rakannya dalam Komanwel, kepentingan Britain adalah dikongkong oleh kepentingan perdagangannya yang paling mendesak. — Bernama.